

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(I)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB. LEE KHAI LOON**

26. Sila senaraikan semua kemudahan tempat bersukan seperti gelanggang bola berbumbung, futsal dan lain-lainnya?
- (a) Terangkan status pembinaannya dalam kawasan Machang Bubuk.
 - (b) Apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan anak muda dalam kegiatan sukan dalam kawasan tempatan.

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

26. Senarai kemudahan tempat bersukan mengikut daerah adalah seperti di Lampiran A yang akan di emel kepada Yang Berhormat oleh Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri (BPEN).
- (a) Terdapat satu (1) kemudahan sukan iaitu Gelanggang Badminton Dewan Kampung Pisang di kawasan Machang Bubuk yang sedang dalam proses perolehan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).
 - (b) Pembudayaan sukan untuk semua merupakan asas yang menjadi pegangan Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat Pulau Pinang khususnya anak-anak muda melibatkan diri dalam aktiviti bersukan dan menerap budaya amalan gaya hidup sihat. Untuk itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan Negeri, persatuan-persatuan belia, agensi-

agensi kerajaan dan swasta, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan YB ADUN sentiasa komited dalam menganjurkan pelbagai program sukan di peringkat komuniti dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan inklusif masyarakat dalam sukan. Di samping program sukan, Kerajaan juga memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk memperbanyakkan kemudahan dan infrastruktur sukan bagi mengalakkan orang ramai untuk turun padang menjalankan aktiviti bersukan seperti pembinaan *skate park* di Ampang Jajar Permatang Pauh dan Tanah Lapang Flat Tuna Seberang Jaya. Selain itu, Majlis Perbandaraan Seberang Perai (MPSP) juga bercadang untuk membina laluan basikal di sekitar Seberang Perai dan mewujudkan *outdoor gym* di taman-taman rekreasi perumahan.

Bagi pembangunan sukan berprestasi tinggi, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri serta persatuan sukan negeri turut sama melaksanakan pembangunan sukan di peringkat akar umbi melalui program pembangunan sukan di peringkat Majlis Sukan Daerah yang merangkumi sukan angkat berat, olahraga, taekwondo, memanah, silambam, ping pong, Silat dan petanque.